

18 OCT 1999

MAHATHIR-IKS

CEBURI PERNIAGAAN MEMERLUKAN BANYAK PENGETAHUAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 18 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini bahawa industri kecil dan sederhana (IKS) haruslah memikirkan untuk menceburi kegiatan perniagaan yang memerlukan banyak pengetahuan tetapi kos permulaannya rendah.

Dalam mengikuti aliran ini, ekonomi Malaysia secara beransur-ansur berubah kepada ekonomi berasaskan pengetahuan (K-economy) di mana kuasa pemikiran melebihi kekuatan dalam menentukan kelebihan daya saingan, katanya.

Menurut beliau, dalam K-economy, di mana kegiatan-kegiatan ekonominya ditumpukan kepada kegiatan yang tinggi nilai ditambahnya dan berasaskan pengetahuan seperti rekabentuk produk dan proses, pengembangan dan peningkatan produk/proses, inovasi dan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang lain, saiz dan bidang operasi tidak begitu penting seperti dulu.

Oleh yang demikian, syarikat-syarikat besar dan kecil mempunyai peluang yang hampir sama untuk mencapai kejayaan, kata Dr Mahathir ketika merasmikan Pameran IKS Tahunan `99 di Seri Kembangan, dekat sini.

Katanya ini telah terbukti melalui banyak kejayaan cemerlang dalam teknologi, reka bentuk dan pengembangan yang dicapai oleh syarikat-syarikat atau usahawan-usahawan yang bermula dari bawah dan secara kecil-kecilan.

Dr Mahathir berkata IKS telah diiktiraf sebagai jentera bagi membangunkan syarikat-syarikat milik Malaysia serta jenama dan reka bentuk milik Malaysia.

"Jadi, IKS mestilah bersedia untuk berubah, berubah cara pemikiran dan berubah cara menjalankan perniagaan serta perjalanan perniagaan," katanya.

Dengan penggunaan ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) dengan meluas oleh syarikat-syarikat, jangkauan perkhidmatan dan barangan buatan Malaysia boleh mencapai pasaran global.

Perdana Menteri juga berkata IKS mestilah bersedia menghadapi cabaran dan perubahan di masa depan.

"Mereka mestilah mengalih tumpuan mereka daripada berorientasikan pengeluaran kepada berorientasikan pasaran, mestilah cuba mendapatkan teknologi baru dan mempertingkatkan kemahiran, dan meningkat daripada mengeluarkan komponen dan alat ganti murah untuk menjadi pembekal global bagi barangan perantaraan nilai ditambah yang tinggi," tegas Dr Mahathir.

Beliau berkata negara ini telahpun terlepas dari bahaya selepas mengharungi kegawatan ekonomi yang kedahsyatannya belum pernah dialami sebelumnya.

-- BERNAMA

SHO KY MA